



## PERADUAN ‘e.MAS atau EMAS’ TERMA & SYARAT

### 1. Tempoh Peraduan

- 1.1. Peraduan e.MAS atau EMAS (“Peraduan”) anjuran Pos Malaysia Berhad (199101019653 (22990-M)) (“Penganjur”) dengan kerjasama Payments Network Malaysia Sdn Bhd (200801035403 (836743-D)) (“PayNet”) akan berlangsung dari 4 Ogos hingga 3 November 2025 (kedua-dua tarikh adalah termasuk) (“Tempoh Peraduan”).
  
- 1.2. Penganjur dan/atau PayNet berhak untuk menukar, menangguhkan, menjadualkan semula, atau melanjutkan Tempoh Peraduan atau menamatkan Peraduan mengikut budi bicara mutlaknya yang dianggap sesuai tanpa notis terlebih dahulu atau tanpa memberikan sebarang sebab.

### 2. Syarat Kelayakan

- 2.1. Peraduan ini terbuka kepada pelanggan ‘walk in’ dan dalam talian yang berbelanja sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh (**RM150**) di mana-mana Pos Outlet (ditakrifkan di bawah) atau melalui platform Dalam Talian Penganjur (ditakrifkan di bawah). Pelanggan boleh menggabungkan sehingga lima (5) resit (kombinasi resit transaksi di Pos Shop atau resit Pos Outlet yang berjumlah RM150 keseluruhan) yang mengandungi tarikh invois yang sama (yang mesti termasuk dalam Tempoh Peraduan) untuk memenuhi perbelanjaan minimum.
  
- 2.2. Pembayaran mesti dibuat menggunakan Kad ATM MyDebit (kad ATM bank anda), DuitNow QR atau FPX (hanya terpakai untuk transaksi dalam talian di [insurance.pos.com.my](http://insurance.pos.com.my)) (“Transaksi”).



2.3. Transaksi yang layak mestilah untuk produk atau perkhidmatan Pos Malaysia (“Produk/Perkhidmatan Pos”) yang dibeli di:

2.3.1. Mana-mana cawangan Pos Malaysia Berhad atau portal insurans motor dalam talian ([insurance.pos.com.my](http://insurance.pos.com.my)) (secara kolektif “Pos Outlet”); atau

2.3.2. Mana-mana cawangan Pos Shop (“Pos Shop”) dalam Tempoh Peraduan yang memenuhi kriteria berikut pada masa Transaksi:

- (a) berumur 18 tahun dan ke atas pada masa Tempoh Peraduan;
- (b) mestilah pemastautin tetap di Malaysia atau warganegara Malaysia yang mempunyai Kad Pengenalan Pendaftaran Negara Kerajaan Malaysia (“NRIC”) yang dikeluarkan secara sah; dan
- (c) akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia dan mesti aktif dengan kedudukan kewangan yang baik semasa Tempoh Peraduan serta sehingga penyebusan hadiah;

Individu yang memenuhi kriteria di atas akan dikenali sebagai (“**Peserta**”)

2.4 Individu yang disenaraikan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- i. Kakitangan kepimpinan kanan dan ke atas bagi pihak Penganjur; dan/atau
- ii. Kakitangan PayNet (termasuk sekutunya, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, adik beradik, termasuk pasangan); dan/atau
- iii. Wakil, pekerja dan/atau agensi pengiklanan atau agensi promosi Penganjur dan/atau PayNet (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya), dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, adik beradik, termasuk pasangan)



2.5. Cawangan Pos yang terlibat adalah seperti berikut:

2.5.1.1. Cawangan Pos Malaysia

- Pejabat Pos
- Outlet Pos Laju
- Pusat Khidmat Pos Laju
- Kiosk Pos Laju
- Pos-On-Wheels (POW)
- Pos Automated Machine (PAM)

2.5.1.2. Dalam Talian

- <https://insurance.pos.com.my/>

2.5.1.3. Pos Shop:

- Semua cawangan Pos Shop

### 3. Mekanisme Penyertaan

3.1. Bagi setiap amaun transaksi RM150 sehingga RM249 yang dibelanjakan atau deposit ke ASNB, pelanggan layak mendapatkan satu (1) penyertaan. Contoh transaksi seperti di bawah:

Transaksi produk prabayar Pos Laju bernilai RM152 = 1 Penyertaan

3.2. Bagi setiap amaun transaksi RM250 sehingga RM499 keatas yang dibelanjakan atau deposit ke ASNB, pelanggan layak mendapatkan satu (1) penyertaan dan tambahan (5) penyertaan. Contoh transaksi seperti di bawah:

Transaksi produk prabayar Pos Laju bernilai RM270 = 6 Penyertaan



3.3. Bagi setiap amaun transaksi RM500 yang dibelanjakan atau deposit ke ASNB, pelanggan layak mendapatkan satu (1) penyertaan dan tambahan (10) penyertaan. Contoh transaksi seperti di bawah:

Transaksi produk prabayar Pos Laju bernilai RM500 = 11 Penyertaan

3.4. Peserta boleh menyerahkan butiran mereka untuk menyertai Peraduan melalui mengimbas kod QR di kaunter Pos atau mana-mana Bahan Pemasaran e.MAS atau EMAS berserta butiran berikut:

- a) Butiran peribadi seperti nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon bimbit, alamat e-mel & nombor invois Pos Malaysia; dan
- b) Memuat naik gambar invois rasmi Pos Malaysia yang jelas dan penuh.

3.5. Semua penyertaan mesti dihantar dalam Tempoh Peraduan. Mana-mana penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan akan dibatalkan.

3.6. Bagi setiap penyertaan, peserta dibenarkan untuk menggabungkan sehingga lima (5) resit (kombinasi resit transaksi di Pos Shop atau resit Pos Outlet) bagi jenis transaksi berbeza (“**Bukti Pembelian**”) bagi memenuhi keperluan transaksi minimum RM150 yang akan melayakkan mereka menerima satu (1) penyertaan. Peserta tidak dibenarkan menghantar berbilang penyerahan dengan resit yang sama. Contoh resit seperti di bawah.:



Company Name : Pos Malaysia Berhad  
Registration No : 199101019653 (229990-M)  
Level 8, Pos Malaysia Headquarters  
(SST Reg No. M10-1808-32000408)

GPO K LUMPUR (10641002)  
MPKL

INVOICE

Customer Name and Address:  
N/A

Date: xx/xx/2022 09:31:59  
Teller:xxxxABCD

Product	Qty	Total RM
Maxis Telco Payment (Account Number:xxxxxxxxxx) (Receipt Number:xxxxxx)	1	xxxxxx
Sub Total		xxxxxx
SST	0.00	0.00
Total After SST		xxxxxx
Rounding Adjustment	0.00	0.00
Total After Rounding		xxxxxx
Cash Tendered		xxxxxx
Grand Total		xxxxxx

Invoice No.  
458-xxxxxxxxx-21-xxxxxxxx-1

Contact us at AskPos [www.pos.com.my](http://www.pos.com.my)

Thank you for using PMB Service  
Number one service provider in Malaysia  
Please check out services and promotions  
Official website  
<http://www.pos.com.my>

- 3.7. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan peraduan yang mereka kehendaki tetapi setiap penyerahan mesti dihantar dengan nombor rujukan resit yang berbeza.
- 3.8. Peserta mesti menyimpan resit asal sepanjang Tempoh Peraduan kerana Peserta dikehendaki mengemukakan resit sebagai bukti pembelian untuk tujuan pengesahan dan penebusan hadiah.
- 3.9. Resit mesti mengandungi nombor resit yang boleh dibaca, jelas dan sah, nama dan/atau logo Cawangan Pos dan perihalan Produk/Perkhidmatan Pos. Bukti Pembelian yang pudar atau rosak akan dianggap tidak sah dan akan hilang kelayakan.
- 3.10. Kegagalan untuk mengemukakan resit asal dan dokumen pengenalan diri atas permintaan akan menyebabkan kehilangan kelayakan dan hadiah dibatalkan hak.
- 3.11. Pengajur dan/atau PayNet tidak akan bertanggungjawab ke atas penyertaan untuk Peraduan yang tidak dapat diproses atas sebab teknikal atau operasi.



3.12. Penyerahan Peraduan akan dianggap tidak sah jika Peserta menghantar 'Mesej Hilang' melalui aplikasi WhatsApp dan imej resit hilang dalam masa yang ditetapkan oleh Peserta.

3.13. Pengajur dan/atau PayNet berhak untuk membatalkan atau menolak, mengikut budi bicara mutlaknya, mana-mana penyertaan:

- a) pendaftaran yang tidak lengkap atau penyerahan penyertaan yang tidak lengkap
- b) berkenaan dengan resit yang hilang, tersalah arah, dicetak semula, pendua, tidak boleh dibaca, tidak betul, tidak jelas dan/atau rosak atau mengandungi butiran yang tidak tepat;
- c) yang tidak sesuai, tidak lengkap atau gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat ini, yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kegagalan untuk memenuhi kriteria kelayakan Peraduan atau penyertaan yang mengandungi lucah, memfitnah, memperlekehkan perkauman, mengganggu atau mengancam atau kandungan yang menyalahi undang-undang;
- d) mengandungi maklumat penipuan menggunakan identiti palsu atau butir-butir lain dengan niat untuk menipu atau memberi gambaran yang salah; atau
- e) yang melanggar mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkenaan.

Mana-mana penyertaan yang tidak sah dihantar akan dibatalkan kelayakannya dan tidak boleh dirayu.

#### 4. Pemberian Hadiah (“Hadiyah”)

4.1. Sejumlah Dua Ratus (200) pemenang bertuah (“**Pemenang**”) yang akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan.



4.2. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

a) Hadiah Utama

Kategori	No. Pemenang	Hadiah
Hadiah Utama	1	Proton E.mas dan Wang Tunai RM5,000

b) Hadiah Bulanan

Kategori	No. Pemenang/ Bulan	Jumlah Pemenang	Hadiah
Hadiah Pertama	3	9	Hisense 55A6100K 55-Inch 4K Smart LED TV
Hadiah Kedua	4	12	Wang tunai RM1,000
Hadiah Ketiga	12	36	AEON E-Gift Voucher RM200
Hadiah Saguhati	42	126	Petrol Gift Card bernilai RM100
<b>Total</b>	<b>60</b>	<b>184</b>	

c) Hadiah Mingguan

Kategori	No. Pemenang/ seminggu	Jumlah Pemenang	Hadiah
Hadiah tambahan	1 atau 2	15	Sylling Emas 0.5 gram

(secara kolektif dikenali sebagai "Hadiah")



- 4.3. Imej Hadiah yang ditunjukkan dalam mana-mana siaran promosi, iklan, penerbitan/laman web, dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan Hadiah sebenar.
- 4.4. Penganjur dan/atau PayNet berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan hadiah lain dengan nilai yang sama pada bila-bila masa tanpa notis deberikan. Penganjur dan PayNet tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku, sama ada secara langsung atau tidak langsung, berkaitan dengan penggantian Hadiah.
- 4.5. Setiap Peserta (**jika dipilih sebagai pemenang**) hanya layak memenangi SATU (1) Hadiah **sahaja** sepanjang Tempoh Peraduan.
- 4.6. Pemenang Hadiah Utama hanya akan dipilih dan diumumkan pada akhir Tempoh Peraduan. Manakala bagi Hadiah Bulanan, pemenang akan dipilih dan diumumkan pada akhir setiap bulan.
- 4.7. Setiap Hadiah yang diberikan tidak boleh sama sekali dipindah milik, diserah hak, dikembalikan, ditukar, atau ditebus dan dirunding oleh Peserta dalam sebarang bentuk atau cara lain selain daripada yang ditentukan oleh Penganjur.
- 4.8. Penganjur dan PayNet tidak bertanggungjawab atas sebarang jaminan atau representasi berkenaan dengan keadaan, perihalan, kualiti kandungan, kesesuaian dan nilai Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecacatan, kekurangan, kesilapan, masalah dan /atau kerosakan padanya atau berpunca daripadanya.



- 4.9. Pengajur dan PayNet tidak akan memikul sebarang tanggungjawab atau liabiliti bagi setiap Hadiah / produk / baucar / e-baucar dan secara nyata mengecualikan dan menolak sebarang kenyataan, waranti atau pengesahan, tersirat atau bertulis, bertulis atau lisan, mengenai produk / baucar / e- baucar yang ditawarkan di bawah kempen ini, tidak terhad kepada jaminan kualiti, kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan atau kegunaan tertentu, kesihatan dan keselamatan. Hadiah / produk / baucar / e-baucar yang ditawarkan oleh pemilik jenama di bawah terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh pemilik jenama. Sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Hadiah / produk / baucar / e-baucar yang ditawarkan oleh pemilik jenama hendaklah diselesaikan oleh pengguna secara terus dengan pemilik jenama.
- 4.10. Pemenang hendaklah memikul liabiliti dan bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang liabiliti, kemalangan, kecederaan, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kecederaan diri dan/atau kematian) akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan, penebusan, pengumpulan dan/atau penggunaan Hadiah. Pengajur dan PayNet tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerosakan atau kecederaan (termasuk kematian), kelewatan dalam apa jua cara yang dialami oleh Pemenang akibat daripada penyertaan dalam Peraduan dan/atau penggunaan Hadiah.
- 4.11. Setiap Hadiah mestilah dituntut pada tarikh dan lokasi yang akan ditetapkan oleh Pengajur. Pengajur berhak untuk membatalkan Hadiah jika Pemenang gagal menuntut Hadiah dalam tempoh yang ditetapkan dan Pengajur tidak akan membayar balik atau membayar pampasan kepada Pemenang untuk perampasan tersebut. Pengajur tidak bertanggungjawab untuk memberikan notis lanjutan tempoh kutipan Hadiah. Sebarang kos yang berkaitan dengan kutipan Hadiah tidak akan ditanggung oleh Pengajur dan/atau PayNet.
- 4.12. Penyerahan Hadiah akan tertakluk kepada ketersediaan hadiah ini. Pihak Pengajur akan memaklumkan Pemenang dari semasa ke semasa.



- 4.13. Hadiah mesti dituntut oleh Peserta sendiri. Kad Pengenalan (IC) yang memaparkan gambar Pemenang akan diperlukan. Sekiranya Penganjur bersetuju untuk menghantar Hadiah kepada Pemenang, Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap ketidakterimaan atau kehilangan Hadiah atau kerosakan yang disebabkan semasa proses penghantaran. Tiada penggantian dan/atau pertukaran Hadiah akan dilayan.
- 4.14. Di bawah kondisi tertentu dan tertakluk kepada budi bicara mutlak Penganjur, Pemenang boleh mencalonkan wakil yang ditetapkan untuk mengambil Hadiah. Wakil akan dikehendaki mengemukakan kebenaran bertulis dalam borang yang diperlukan oleh Penganjur daripada Pemenang dan salinan kad pengenalan Pemenang (depan & belakang).
- 4.15. Semua Hadiah yang ditebus dan diterima sepenuhnya adalah atas risiko Pemenang, dan Penganjur mengecualikan semua waranti berkaitan dengan mana-mana Hadiah setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 4.16. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkenaan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur dan PayNet serta ejennya tidak bertanggungjawab ke atas semua liabiliti, kerugian dan kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan pada butiran Hadiah atau sebarang keadaan yang tidak dijangka di luar jangkaan.
- 4.17. Sekiranya Pemenang memilih untuk tidak menerima Hadiah, Pemenang secara automatik akan terbatas bagi mana-mana dan semua Tuntutan kepada Hadiah itu, yang akan diuruskan mengikut budi bicara mutlak pihak Penganjur.
- 4.18. Sekiranya Penganjur mengadakan majlis penyampaian hadiah, Pemenang dikehendaki hadir dengan kos dan perbelanjaan sendiri untuk menghadiri majlis



penyampaian hadiah dan mengambil Hadiah. Sekiranya Pemenang tidak dapat menghadiri majlis penyampaian hadiah, Pemenang mesti mencalonkan seorang wakil untuk hadir pada majlis penyampaian hadiah untuk menerima Hadiah bagi pihaknya jika tidak, Pemenang dianggap telah kehilangan Hadiah dan Penganjur berhak memilih Pemenang baru.

- 4.19. Penganjur dan PayNet berhak untuk menangguhkan tarikh dan menukar tempat/tempat penebusan hadiah yang telah ditentukan ke tarikh kemudian atau tempat/tempat lain sekiranya berlaku sebarang keadaan yang tidak diduga.

## 5. Kelayakan Pemenang

- 5.1. Peserta yang Layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah penyertaan / penyerahan yang sah semasa Tempoh Peraduan (“Peserta Terpilih”). Walau bagaimanapun, Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk mengubah atau menukar proses pemilihan pemenang tanpa sebarang notis awal kepada Peserta.
- 5.2. Penganjur akan memaklumkan Pemenang yang Layak (“Pemenang Layak”) melalui WhatsApp atau mana-mana saluran komunikasi lain untuk pengesahan dan pengesahan identiti dan bertanya satu (1) soalan mudah sebelum diisyiharkan sebagai pemenang (“Pemenang”). Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan Pemenang yang Layak kerana kegalalannya memberikan maklumat yang lengkap dan tepat, tidak menjawab atau jawapan yang salah kepada soalan Peraduan.
- 5.3. Sekiranya Pemenang Layak tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan selama tiga (3) hari berturut-turut (semasa waktu bekerja, Isnin hingga Jumaat) iaitu, tiada balasan, nombor telefon tidak dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau tidak berminat, Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan Peserta Terpilih dan hendaklah memilih Peserta yang layak seterusnya sebagai



Pemenang, yang mana akan dipilih mengikut budi bicara mutlak Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang Layak tidak dapat dihubungi atau dimaklumkan atas sebarang sebab sekalipun.

5.4. Peserta / Pemenang Terpilih akan dihubungi oleh pihak Penganjur / pengurusan peraduan berdasarkan maklumat hubungan yang diberikan semasa proses penyerahan mereka.

5.5. Di samping itu, Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

5.5.1. menjelaskan, telah atau cuba melemahkan pengendalian Peraduan dengan penipuan atau tipu helah; atau

5.5.2. tidak dapat memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan bagi pengesahan Pos Malaysia apabila diminta.

Sekiranya berlaku kehilangan kelayakan selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau pembayaran nilainya daripada Pemenang yang dibatalkan.

5.6. Nama Pemenang akan diumumkan melalui laman web Penganjur dan platform media sosial rasmi Pos Malaysia. Pemilihan dan keputusan Penganjur mengenai Pemenang adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan oleh Peserta. Suratmenyurat bagi rayuan, bantahan atau percubaan untuk mempertikaikan perkara yang sama tidak akan dilayan dalam apa juu keadaan.

## 6. Umum

6.1. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini serta keputusan Penganjur. Penganjur berhak untuk menukar, memadam, menambah atau memindah mana-mana bahagian Terma dan Syarat



mengikut budi bicara mutlaknya yang difikirkan sesuai tanpa notis awal atau tanpa memberikan sebarang sebab dan ia akan mengikat Peserta dan Pemenang.

- 6.2. Dengan menyertai Peraduan ini, Pengajur berhak untuk menerbitkan dan memaparkan nama dan alamat pemenang, gambar pemenang dan rakaman audio dan/atau visual untuk mana-mana media massa atau bahan pemasaran untuk tujuan pengiklanan dan publisiti tanpa notis awal dan/ atau pampasan.
- 6.3. Pengajur mengikut budi bicara mutlaknya boleh mengeluarkan dan/atau membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan jika didapati atau disyaki menipu/memalsukan/mengganggu/melibatkan diri dalam proses penyerahan Peraduan, pengendalian Peraduan ini atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan, Pengajur berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang dipercayai telah melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang memudaratkan Peraduan.
- 6.4. Sebarang kos yang ditanggung oleh peserta atau pemenang untuk pengangkutan, penginapan, kos peribadi, yuran dan/atau sebarang perbelanjaan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh peserta atau pemenang.
- 6.5. Pengajur dan/atau pengarah, pemegang saham, ahli, ahli gabungan dan syarikat bersekutu atau anak syarikatnya tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk, tiada sempadan, kehilangan pendapatan, keuntungan atau pemberian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sengaja atau tidak, kerosakan, berbangkit, teladan, punitif atau istimewa) yang timbul daripada kontrak, tort, kecuaian atau sebarang kecederaan atau kekecewaan yang dialami atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini.
- 6.6. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, semakan, penamatan atau penggantungan Peraduan oleh Pos Malaysia tidak akan melayakkan Peserta atau



Pemenang untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta atau Pemenang sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, semakan, penamatan atau penggantungan Peraduan.

- 6.7. Peserta dinasihatkan untuk kerap melayari laman web rasmi Penganjur di [www.pos.com.my](http://www.pos.com.my) dari semasa ke semasa untuk sebarang perubahan atau pindaan berkenaan dengan Peraduan ini.

## **7.0 Dasar privasi**

**7.1** Dengan mengambil bahagian Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan persetujuan dan kebenaran mereka kepada bank masingmasing untuk mendedahkan kepada Penganjur dan memberi kuasa kepada Penganjur dan PayNet untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, Nombor Pengenalan (IC) bertopeng dan butirbutir peribadi lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Peraduan, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengumumkan dan menerbitkan Data Peribadi dan/atau gambar Peserta laman web Penganjur dan PayNet untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

**7.2** Penganjur dan PayNet menghormati privasi pelanggannya dan komited untuk melindungi privasi setiap Peserta. Apabila Peserta memberikan maklumat peribadi untuk menyertai Peraduan ini, maklumat peribadi akan dimasukkan ke dalam senarai menerima berita/notis sebarang promosi, risalah termasuk e-mel atau sms untuk maklumat lain. "Maklumat Peribadi Identiti" merujuk kepada sebarang maklumat yang boleh mengenal pasti atau digunakan untuk tujuan menghubungi seperti nama, alamat suratmenyurat, nombor telefon dan alamat e-mel.

**7.3** Dengan menyertai Peraduan, Peserta mengakui dan bersetuju bahawa Penganjur dan PayNet boleh berkongsi maklumat peribadi Peserta yang



telah diterima untuk penawaran produk, promosi dan perkhidmatan kepada Peserta.

## **8.0 Undang-undang dan Bidang Kuasa**

- 8.1 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta mengakui dan bersetuju bahawa peserta akan terikat dengan Terma dan Syarat Peraduan ini dan Terma dan Syarat Peraduan ini akan ditafsirkan dan ditadbir mengikut undang-undang Malaysia.
- 8.2 Dengan menyertai Peraduan ini, ia akan dianggap sebagai penerimaan kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia berkenaan dengan mana-mana atau semua pertikaian yang mungkin timbul berkaitan dan menurut Peraduan.